

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)

TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memastikan pengedaran minyak petrol dan diesel dalam negara terus stabil dan terjamin sedangkan peniaga petrol dikatakan mengalami masalah kerugian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan pada 21 November 2014 telah memutuskan bahawa penetapan harga runcit RON95 dan diesel adalah melalui kaedah pengapungan terkawal (managed float) bermula 1 Disember 2014 di mana harga minyak akan dikaji secara bulanan mengikut harga semasa pasaran dunia. Sehubungan itu, Kementerian telah mengambil langkah proaktif bagi memastikan bekalan bahan petroleum dan diesel ini sentiasa mencukupi dengan mengambil tindakan penguatkuasaan tegas terhadap setiap syarikat minyak yang mengalami kehabisan bekalan (*stock out*). Bagi mengelakkan isu *stock out* ini, Kementerian komited mengadakan perbincangan berkala dengan dengan semua syarikat minyak yang terlibat pada setiap bulan supaya melaporkan strategi syarikat masing-masing bagi mengelakkan *stock out* dan sekiranya masih terdapat stesen minyak yang mengalami *stock out*, Kementerian hanya memberi tempoh sehari untuk stesen minyak *replenish* dan meneruskan bekalan kepada pengguna. Walau bagaimanapun, Kementerian boleh memberi pertimbangan sewajarnya sekiranya terdapat kes *stock out* yang di luar kawalan atau luar jangka.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, bagi isu yang mengaitkan pengusaha stesen minyak dikatakan mengalami masalah kerugian, Kementerian telah mengadakan *engagement* dengan Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM) selaku *middle person* untuk membincangkan mengenai dilema pengusaha stesen minyak

berhubung perkara ini. Antara kata sepakat yang telah dicapai bersama syarikat minyak dan pengusaha adalah syarikat minyak tidak akan membebankan pengusaha dengan stok melebihi 3 hari jualan sebelum harga baru berkuatkuasa iaitu pada setiap 1 haribulan. Pihak PDAM juga telah mengemukakan resolusi dan cadangan kepada pihak Kementerian bagi mengatasi isu ini dan Kementerian sedaya upaya untuk menjadi pemudah cara kepada pengusaha dan syarikat minyak untuk mengatasi isu ini dari masa ke semasa.